

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, May 30, 2019 2:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lidah Boleh Bawa Muflis – Rekod Mengumpat Tidak Padam Selagi Tidak Minta Maaf



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 MEI 2019 / 25 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Mohd Fuad Hamid

LIDAH BOLEH BAWA MUFLIS – REKOD MENGUMPAT TIDAK PADAM SELAGI TIDAK MINTA MAAF



UUM ONLINE: “Puasa tapi mulut selalu kata kat orang, mulut tidak berhenti mengeji dan menghina orang semasa hidup di dunia macam-macam gelaran kita beri pada orang, boroi, mangkuk, belon bagi menggambarkan orang gemuk yang sering dijadikan bahan ketawa.

“Ingat, perkara yang kita kata kat orang akan direkodkan dan rekod itu tidak padam selagi kita tidak minta maaf pada orang yang kita umpat kerana sesungguhnya sesuatu yang dilafazkan oleh mulut melainkan di kiri kanan ada malaikat pencatatnya.”

Demikian peringatan Ustaz Lutfi Amir Saidin dalam Ceramah Ramadan 1440 Puasakah Kita? anjuran Persatuan Pegawai Pengurusan Dan Profesional (Tadbir & Ikhtisas), (Perpati) di Dewan Seminar A Kompleks Konvensyen UUM.

Jelasnya, apabila dibentangkan kitab amalan orang yang suka mengumpat dan mencaci maki semasa di dunia alangkah celaknya kitab jenis apa ini? kerana tidak sikit pun yang tinggal sama ada kecil atau besar melainkan semuanya dicatat.

“Mulut kita terbiasa mengata bila tengok orang yang lemah terutamanya gemuk, hitam dan pendek sepertimana kita tidak suka orang mengata kita begitu juga orang dan puasakan kita kalau buat macam tu?

“Sejak baligh hingga kini banyak dosa yang kita buat, kalau buat dosa besar taubat nasuha tetapi kalau dosa sesama makhluk kita kena cari balik orang itu dan minta maaf padanya.

Menurutnya, orang yang muflis di akhirat itu pada mulanya dia datang di akhirat nanti dengan membawa banyak pahala bagi segala amalnya seperti solat, zakat, puasa dan umrah.

“Bila nak buat tuntutan dia terkejut, segala pahala kebaikan yang kita lakukan diambil dan bila habis semula pahala kita diberi pada orang yang kita umpat, maka diambil pula dosa dia lalu dihumban ke atas kita yang mengumpatnya,” ujarnya.

Soalnya, bagaimana kalau orang yang kita umpat itu telah mati. Ada pendapat menyarankan untuk membuat jariah atas nama si mati dengan harapan dosa kita terhadapnya diampunkan.

“Dosa yang kita lakukan umpama mencarik bulu ayam lalu kita buang tetapi bagaimana nak mencari semula bulu ayam yang dibuang tadi, susahkan?” ujarnya memberi analogi mudah.

Selain itu katanya, sekiranya habis Ramadan di mana lagi kita hendak mengambil pahala yang banyak berganda-ganda dan pernahkah kita rasa sayang Ramadan akan pergi meninggalkan kita?

Bila berpuasa sepatutnya di akhir Ramadan kita menjadi orang yang bertakwa, tanya diri kita adakah kita capai takwa itu?

Orang bertakwa ialah orang yang laksanakan perintah Allah dan meninggalkan larangan Allah

“Orang kita ramai sembahyang sunat terawih, tidak makan, tidak minum tetapi kenapa sanggup tidak sembahyang?

“Allah panggil kita 5 kali sehari, kalau kita betul-betul bertakwa dengar saja azan terus sembahyang kerana semulia-mulia kamu ialah siapa yang paling bertakwa.

“Peluang untuk meraih syurga akan berlalu pergi selepas Ramadan kerana syurga di buka seluas-luasnya untuk orang berpuasa dan berharap kitalah calon-calonnya ini tidak, kita tidak rasa risau kalau tak masuk syurga, tapi bila orang dapat APC kita *jealous*,” katanya lagi.

Sesiapa yang berpuasa dengan penuh keimanan dan keikhlasan akan diampunkan dosanya yang telah lalu dan dengan berakhirnya Ramadan maka tawaran pengampunan dosa juga akan berakhir lalu orang bertakwa berasa sedih.

“Siang kita berpuasa hidupkan malam dengan amal ibadat, pergi masjid sampai tua bukan sudah tua baru nak pergi masjid, sedekahlah sampai kaya bukan kaya baru nak sedekah,” ucapnya.

Ramadan bulan Allah makbulkan doa sesiapa saja yang meminta di mana 3 doa orang yang Allah tidak tolak iaitu orang yang berpuasa, dizalimi dan musafir.

Tambahnya, syarat untuk menjadi orang bertakwa iaitu orang yang takut pada Allah dengan melaksanakan ibadah, beramal dengan al-Quran dan rasa cukup dengan rezeki yang diberikan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.